



Ruj. Kami : JKKP HIE 127/12/2/1 – 02/20
Tarikh : 15 Jun 2020

Pengurus Besar,
Farzim Medicare Sdn Bhd,
No 308a, Level 1, Lorong Selangor,
Taman Melawati,
53100 Kuala Lumpur
(U/p: En Aiman)

Tuan,

KELULUSAN KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI (PERNAFASAN)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini tiada halangan untuk memberikan kelulusan kelengkapan pelindung diri (pernafasan) iaitu topeng pernafasan sepertimana yang telah ditetapkan dalam perundangan di bawah **Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya.**

3. Senarai kelengkapan pelindung diri (pernafasan) yang diluluskan adalah seperti berikut : -

BIL.	PIAWAIAN	JENAMA	MODEL	NO KELULUSAN JKKP
1.	BS EN 140:1999	NAFAShield	NAFAShield100	JKKP RP 02/20
2.	BS EN 149:2001 +A1:2009 FFP3 R D	NAFAShield	NAFAShield99	JKKP RP 03/20

1/2

KELULUSAN KELENGKAPAN PELINDUNG DIRI (PERNAFASAN)

4. Kelulusan ini juga tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-
 - i. Kelulusan ini sah sehingga **4 Februari 2025**.
 - ii. Lesen Pensijilan Barangan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. masih sah sepanjang tempoh kelulusan diberikan.
 - iii. Mempamerkan label SIRIM-DOSH pada setiap produk yang telah mendapat kelulusan.
 - iv. Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Jabatan boleh menarik balik kelulusan yang dikeluarkan sekiranya maklumat yang diberikan tidak benar.

5. Jika ada sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Kelulusan dan Pemantauan Kawalan Hazad, Bahagian Higien Industri dan Ergonomik, Rohaizad Bin Mohd Daud di talian 03-88866433.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Amanah Aspirasi Negara”

Saya yang menjalankan amanah,



(Ir. HAJI OMAR BIN MAT PIAH)

Ketua Pengarah

Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

Malaysia